

TARIKH	16 / 4 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	1-57	RUANGAN	BISNES

Tabung Haji melabur hartanah di UK



TABUNG Haji menjangka melaksanakan sekurang-kurangnya satu transaksi pelaburan hartanah komersil di United Kingdom bernilai 150 hingga 200 juta pound (1pound = RM4.8732), tahun ini.

Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Ismee Ismail berkata, pelaburan hartanah berkenaan telah dikenal pasti untuk pelaburan melalui tinjauan yang dijalankan sejak 2008.

Antara pertimbangan yang diambil kira dalam tinjauan berkenaan ialah mematuhi syariah.

"Kita agak berhati-hati kerana kita perlu kaji setiap syarikat yang menghuni hartanah berkenaan ialah syarikat yang patuh syariah," katanya.